



PEMBERITAHUAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (**MCMC**) akan menjalankan Siasatan Awam mulai **1 April 2015**. Sila klik pautan di bawah untuk Kertas Siasatan Awam tersebut.

["KAJIAN SEMULA PENENTUAN OLEH SURUHANJAYA BERKENAAN STANDARD MANDATORI KUALITI PERKHIDMATAN \(PERKHIDMATAN SELULAR AWAM\) \(PENENTUAN NO. 2 TAHUN 2002\) DAN PERUBAHAN KEPADA PENENTUAN OLEH SURUHANJAYA BERKENAAN STANDARD MANDATORI KUALITI PERKHIDMATAN \(PERKHIDMATAN SELULAR AWAM\) \(PENENTUAN NO. 2 TAHUN 2002\) - PENENTUAN NO. 1 TAHUN 2013"](#)

MCMC berpendapat terdapat keperluan untuk mengkaji semula Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan untuk Perkhidmatan Selular Awam selari dengan perkembangan teknologi sepanjang 12 tahun yang lepas, perubahan trend dari segi penggunaan rangkaian, perubahan ekspektasi dan persepsi pelanggan terhadap penyampaian perkhidmatan.

Semakan dan standard baru yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada amalan terbaik antarabangsa dan juga bertujuan untuk menangani pelbagai isu berkaitan perkhidmatan selular awam di Malaysia seperti isu *dropped calls*. Kajian ini juga bertujuan untuk memperkukuh dan memperkemas rangka kerja Kualiti Perkhidmatan secara menyeluruh.

MCMC mempelawa orang ramai untuk menyertai siasatan ini dengan mengemukakan penghujahan bertulis mengenai perkara khusus yang diminta seperti di atas Kertas Siasatan Awam ini.

Penghujahan bertulis mengenai perkara yang dikemukakan hendaklah dihantar di dalam bentuk salinan cetak dan juga elektronik kepada alamat dan e-mel di bawah pada atau sebelum **12 tengah hari, Isnin, 18 Mei 2015**.

**Pengerusi
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan**

**Tel: +603 8688 8000
Fax: +603 8688 1001
E-mel: qospcs@cmc.gov.my**

Untuk Perhatian: En. Mohd Norhisham Ahmad Kamil, Bahagian Pembangunan Dasar

www.mcmc.gov.my